

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan jumlah bahan buangan berbahaya terjadual yang dihasilkan di Malaysia setiap hari, kapasiti kemudahan-kemudahan bersepadau berlesen untuk dilupuskan dan strategi Kerajaan untuk menguruskan sisa berbahaya terjadual tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Di bawah Peraturan 9 (5), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005, pengeluar buangan boleh menstor buangan terjadual yang dikeluarkan olehnya selama 180 hari atau kurang selepas pengeluarannya dengan syarat bahawa kuantiti buangan terjadual yang dikumpulkan di tapak hendaklah tidak melebihi 20 metrik tan.
2. Penjanaan buangan terjadual bergantung kepada operasi yang sedang berlaku di dalam premis. Jabatan Alam Sekitar boleh menyemak kuantiti buangan terjadual yang dijana oleh industri melalui transaksi Nota Konsainan yang dikemukakan menurut Jadual Keenam, Peraturan 12(1), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 yang dilakukan melalui sistem *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS). Sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 22,514 daripada 25,696 buah premis

bersamaan dengan 87.6% yang berstatus operasi yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 telah berdaftar dengan sistem eSWIS.

3. Sehingga kini, Jabatan Alam Sekitar telah melesenkan sebanyak 406 premis yang ditetapkan buangan terjadual bagi tujuan pengolahan, pemerolehan kembali atau pelupusan buangan terjadual. Kapasiti buangan terjadual yang boleh diterima oleh premis yang ditetapkan buangan terjadual merujuk kepada teknologi pemprosesan yang diluluskan di dalam laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), kelulusan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan disyaratkan di dalam syarta lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penerimaan buangan terjadual di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bergantung kepada ciri buangan terjadual (*waste characteristic*) yang dijana oleh pengeluar buangan dan kriteria penerimaan buangan (*waste acceptance criteria*) premis yang ditetapkan buangan terjadual.

4. Jabatan Alam Sekitar sedang memperkasakan urus tadbir pengurusan buangan terjadual yang dijana oleh industri melalui sistem eSWIS. Pemantauan berterusan melalui pelaporan secara harian nota konsainan berstatus “submitted”, pelaporan secara mingguan penstoran melebihi 180 hari atau 20 metrik tan dan pelaporan secara bulanan industri yang tidak mengemaskini inventori dalam bulan semasa. Siasatan akan dijalankan ke atas pelaporan tersebut dan tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya akan diambil ke atas salahlaku yang telah dilakukan.

Sekian, terima kasih.